


1. Perkataan tamadun berasal daripada bahasa Arab , iaitu daripada perkataan *mudun*, *madain* dan *madana*.  
Apakah maksud perkataan *madana* ?
  - A Kemajuan lahiriah
  - B Kehidupan bertamadun
  - C Ketinggian budi bahasa
  - D Penggubalan undang-undang
  
2. Setiap negara kota di Mesopotamia mempunyai ciri fizikal yang tersendiri.  
Apakah ciri negara kota tersebut ?
  - A Memiliki majlis perbandaran
  - B Mempunyai jalan raya yang lurus
  - C Memiliki tempat mandi awam
  - D Mempunyai kubu pertahanan
  
3. Apakah sumbangan Maharaja Shih Huang Ti kepada Tamadun China?
  - A Membina terusan
  - B Membentuk empayar
  - C Mengamalkan demokrasi
  - D Menggubal undang-undang
  
4. Gambar 1 ialah binaan aqueduct.



Aqueduct merupakan binaan saluran air. Aqueduct dibina dalam

- A Tamadun Rom
- B Tamadun India
- C Tamadun China
- D Tamadun Yunani

5. Maklumat berikut berkaitan Tasik Tonle Sap.

Pada musim kemarau, kawasan sekitar Tasik Tonle Sap menjadi subur menyebabkan aktiviti pertanian masih dapat dijalankan.

Mengapakah berlaku keadaan tersebut ?

- A Cuaca hujan dan lembap
  - B Terdapat mendapan lumpur
  - C Pengaliran sumber air daripada terusan
  - D Penggantian padi sawah kepada padi huma
6. Apakah tujuan konsep berikut diamalkan oleh pemerintah kerajaan awal di Asia Tenggara?

Orde kosmos

Dewa - raja

- A Mengukuhkan kedudukan
  - B Menjamin pentadbiran adil
  - C Meningkatkan sokongan rakyat
  - D Mengelakkan pemberontakan pembesar
7. Masyarakat Arab Jahiliah ialah masyarakat yang hidup di Semenanjung Tanah Arab dalam jangka masa selepas runtuhnya Empangan Maarib. Apakah sebab empangan tersebut runtuh?
- A Diperbuat daripada tanah liat
  - B Disebabkan banjir besar
  - C Kejadian gempa bumi
  - D Bencana ribut pasir

8. Mengapakah masyarakat Arab Jahiliah dikatakan mempunyai nilai moral yang rendah?
- A Menyembah berhala
  - B Mementingkan keduniaan
  - C Meminum arak, berzina dan berjudi
  - D Memuja alam seperti pokok dan matahari
9. Apakah tujuan Nabi Muhammad s.a.w. meminta orang Islam berhijrah ke Habsyah?
- A Menyebarkan Islam
  - B Memenuhi jemputan
  - C Mendapatkan perlindungan
  - D Menjalankan aktiviti jual beli
10. Apakah persetujuan yang dicapai dalam perjanjian berikut?

Tahun	Peristiwa
621 Masihi	Perjanjian Aqabah Pertama


- I Beriman kepada Allah
  - II Meninggalkan amalan jahiliah
  - III Memerangi orang Arab Quraisy
  - IV Menjamin keselamatan orang Islam Makkah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11. Apakah faktor yang menjamin kedudukan orang Yahudi berikut?

- Jaminan keselamatan dan kebebasan
- Mempunyai hak yang sama dengan masyarakat lain

- A Mematuhi Piagam Madinah  
 B Membantu urusan pentadbiran  
 C Membenarkan penyebaran Islam  
 D Meninggalkan semangat assabiah

12. Rajah di atas menunjukkan gelaran yang diberikan kepada Khalifah Abu Bakar. Mengapakah gelaran tersebut diberi?



- A Memperkenalkan baitulmal  
 B Menghapuskan gerakan al-Riddah  
 C Membentuk angkatan tentera yang kuat  
 D Menyebarkan dakwah Islamiah ke Rom

13. Apakah kepentingan kawasan berikut kepada kerajaan Bani Abbasiyah?

- Kufah
- Khurasan
- Humaimah


- A Pusat gerakan revolusi  
 B Pusat kegiatan ekonomi  
 C Pusat pentadbiran kerajaan  
 D Pusat perkembangan intelektual

14. Senarai berikut menunjukkan kerajaan Islam di Asia Tenggara.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aceh</li> <li>• Johor-Riau</li> </ul> |
|--|

Apakah persamaan kerajaan tersebut selepas Melaka ditawan oleh Portugis?

- A** Menjalin hubungan dengan Belanda
- B** Merupakan pusat pertanian terkenal
- C** Mengembalikan kegemilangan Srivijaya
- D** Menghalang penyebaran agama Kristian
15. Agama Islam turut mengubah akhlak masyarakat Melayu. Apakah perkara yang digugurkan dalam upacara pertabalan raja hari ini?
- A** Protokol
- B** Bacaan ciri
- C** Lafaz ikrar oleh sultan
- D** Pengendalian oleh ulama
16. X dalam rajah berikut merujuk cukai yang dikenakan oleh pemerintah Melaka.



- A** cukai labuh batu
- B** cukai kepala
- C** cukai tetap
- D** cukai diraja

17. Apakah faktor kemunculan bandar berikut pada Zaman Kemuncak Pertengahan di Itali?

- Milan
- Florence
- Venice

- A** Kemajuan perdagangan
- B** Kekayaan sumber galian
- C** Perluasan kuasa
- D** Penggubalan undang-undang

18. Amalan di bawah berlaku pada Zaman *Reformation*.

Penjualan Sijil *Indulgences*

Mengapakah Martin Luther menentang amalan ini?


- A** Pembebanan hidup golongan petani
- B** Pengukuhan kekuasaan pemerintah
- C** Peningkatan kegiatan jenayah
- D** Penyelewengan dalam agama

19. Jadual berikut menunjukkan peningkatan dalam keluasan kawasan penanaman getah.

Negeri	Tahun		
	1907	1908	1909
Perak	46 167	56 706	68 278
Selangor	61 552	82 246	93 953

Apakah faktor yang membawa kepada peningkatan tersebut?


- A Penglibatan buruh Cina
  - B Perkembangan industri pembuatan
  - C Pelaburan modal pembesar tempatan
  - D Pengenalan Rancangan Sekatan Stevenson
20. Rajah berikut merujuk kepada pembentukan jawatan baru oleh kerajaan British di Tanah Melayu



Apakah tujuan jawatan tersebut diwujudkan?

- A Mengawal upah buruh
  - B Menjaga kebajikan buruh
  - C Mengawasi kemasukan buruh
  - D Membiayai perbelanjaan buruh
21. Mengapakah negara China menjadi tumpuan negara-negara Barat pada abad ke-19?
- A Tenaga mahir ramai
  - B Bahan mentah banyak
  - C Tanah yang subur
  - D Pasaran yang luas

22. Apakah tuntutan gerakan nasionalisme tahap awal di Filipina?
- A Pemerintahan kerajaan sendiri
  - B Pengembalian kuasa raja
  - C Hak mengundi pemimpin
  - D Hak kebebasan bersuara
23. Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong memimpin penduduk tempatan Kuala Telemong, Terengganu menentang British?
- A Pengenalan undang-undang tanah
  - B Penghapusan sistem perhambaan
  - C Paksaan membayar ufti
  - D Peningkatan kemasukan imigran



24. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam novel di atas?
- A Mencintai tanah air
  - B Menghargai warisan bangsa
  - C Kebebasan kaum wanita
  - D Kepentingan perpaduan kaum



25. Apakah faktor yang menentukan sempadan kerajaan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka
- A Rumpun bangsa
  - B Undang-undang
  - C Kesetiaan rakyat
  - D Pemerintah
26. Negeri manakah yang diasaskan oleh kerabat diraja Melaka?
- A Perak
  - B Kedah
  - C Kelantan
  - D Terengganu
27. Kerajaan Malayan Union diisytiharkan pada 1 April 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara), Kuala Lumpur.  
Apakah keistimewaan Singapura sehingga diasingkan daripada Malayan Union ?
- A Pusat pertahanan
  - B Pusat pentadbiran
  - C Pelabuhan entrepot
  - D Pelabuhan bebas

28. Gambar menunjukkan demonstrasi antipenyERAHAN oleh kaum ibu dalam PKMS di Sarawak



Apakah kesan daripada tindakan tersebut

- A Pembebasan Sarawak
- B Pekeliling Bil. 9 dikeluarkan
- C Pembubaran Perlembagaan 1941
- D Penubuhan Jawatankuasa Perunding

Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu.

29. Sekiranya anda adalah anggota dalam Sistem Ahli, apakah bidang tugas anda
- A Mentadbir negara
  - B Merangka perbelanjaan
  - C Menjaga satu portfolio
  - D Menggubal undang-undang
30. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957. Apakah kesan perjanjian tersebut ?
- A Pembentukan kerajaan republik
  - B Kerakyatan jus soli diterima
  - C Pengukuhan kuasa Gabenor
  - D Pesuruhjaya Tinggi dilantik

31.

Barisan Sosialis telah memenangi pilihan Hong Lim di Singapura pada bulan April 1961.

Mengapakah Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat bimbang dengan kemenangan tersebut?

- A Menggugat proses pungutan suara
- B Memecahbelahkan perpaduan
- C Menggugat kuasa British
- D Melemahkan kepimpinan

32. Reaksi segera yang timbul di Sarawak dan Sabah selepas cadangan pembentukan Malaysia diumumkan adalah ke arah menolak cadangan ini. Mengapakah mereka bertindak sedemikian ?

- A Ingin kekal di bawah pemerintahan British
- B Ingin membentuk pemerintahan sendiri
- C Mempunyai keyakinan memerintah
- D Pengaruh politik yang kuat

33. Senarai Negeri mengandungi bidang kuasa yang diperuntukkan kepada negeri. Apakah bidang kuasa kerajaan negeri ?

- A Keselamatan dalam negeri
- B Kebajikan sosial rakyat
- C Undang-undang Islam
- D Pelajaran

34. Apakah maksud dua ekor harimau dalam Jata Negara kita ?

- A Kekuatan
- B Kekuasaan
- C Keberanian
- D Kemegahan

35. Pernyataan berikut berkaitan dengan agensi yang terlibat dalam menjayakan Rancangan Malaya Pertama.

- Membangunkan masyarakat luar bandar
- Membantu pemasaran hasil pertanian
- Menggalakkan orang Melayu berniaga

Apakah agensi tersebut?

- A Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
  - B Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
  - C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
  - D Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)
36. Apakah persamaan antara kedua-dua program dan agensi berikut?

- Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- Skim Amanah Saham Berhad (ASN)

- A Membasmi kemiskinan
  - B Menggalakkan pelaburan
  - C Memberi pinjaman modal
  - D Mengimbangi pemilikan harta
37. Maklumat berikut berkaitan dengan Laporan Rahman Talib 1960.

Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan  
sementara sekolah jenis umum dijadikan  
sekolah jenis kebangsaan

Apakah kesan pertukaran status sekolah di atas?

- A Meningkatkan kualiti pendidikan
- B Memajukan prasarana sekolah
- C Memupuk perpaduan kaum
- D Menguasai kemahiran bahasa

38 Maklumat berikut menerangkan tindakan Britain.

Tahun	Peristiwa
1914	Campur tangan dalam peperangan

Apakah kesan tindakan Britain terhadap negaranya?

- A Kerugian perdagangan luar
- B Meluaskan tanah jajahannya
- C Membayar pampasan perang
- D Kekuatan negara diperkukuh

39 Jadual berkaitan dengan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Tahun	1989
Tempat	Langkawi

Apakah persetujuan yang dicapai?

- A Menangani penyalahgunaan dadah
- B Menyelesaikan masalah Palestin
- C Mengekalkan keamanan segajat
- D Mengatasi masalah pencemaran

- 40 Idea Tunku Abdul Rahman telah membawa kepada Penubuhan Persidangan Islam (OIC).

Apakah sumbangan Malaysia dalam pertubuhan tersebut?

- I** Tuan rumah persidangan OIC
  - II** Mengisytiharkan Deklarasi Kuala Lumpur
  - III** Menghapuskan Dasar Aparteid di Afrika Selatan
  - IV** Menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV